

31/01/2003

Bahasa Inggeris bolehkan rakyat kuasai ilmu IT: PM

Daud Awang

ALOR GAJAH: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris bertujuan memastikan rakyat mampu menguasai kemahiran dan ilmu teknologi maklumat (IT).

Perdana Menteri berkata, dengan ilmu yang mencukupi, rakyat berpeluang menikmati peluang pekerjaan lebih baik, sekali gus meningkatkan pendapatan.

"Sebab itu kita memberi penekanan terhadap penguasaan Sains dan Matematik. Untuk ini, kita perlu menguasai bahasa Inggeris kerana ilmu ini diterokai mereka yang fasih dalam bahasa Inggeris dan semuanya dicatat dalam bahasa Inggeris

"Kita belajar bahasa Inggeris dan menggunakannya bukan bererti kita tidak sayang bahasa yang memberi identiti kepada bangsa kita, tetapi tidak ada gunanya hanya sayang kepada bahasa sedangkan ilmu kita begitu cetek dan tidak boleh mencapai kemajuan," katanya pada majlis perasmian kilang pengeluaran Honda di Pegoh, dekat sini semalam.

Turut hadir Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn; Pengerusi Honda Malaysia Sdn Bhd, Tan Sri Salleh Sulong dan Pengarah Urusan Kanan Honda Motor Co Ltd Jepun, Katsuro Suzuki.

Kira-kira 9,000 daripada pelbagai lapisan masyarakat menyambut ketibaan Dr Mahathir yang menaiki helikopter dari Putrajaya dan menyaksikan majlis perasmian yang dimeriahkan dengan kehadiran robot Asimo, milik Honda.

Dr Mahathir berkata, ketika kerajaan membuat dasar mengubah ekonomi negara daripada pertanian kepada industri, ramai yang ketawa, termasuk rakyat negara ini sendiri, tetapi melalui pendekatan menjemput pelabur asing ke Malaysia kini berjaya menjadikan 82 peratus daripada eksport negara adalah barang buatan kilang, diikuti 19 peratus petroleum, minyak sawit dan bijih timah.

"Ini menunjukkan kalau kita berjaya membuat pendekatan yang bijak, kita dapat melaksanakan sesuatu dengan jayanya," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan mengambil kira perkembangan dan arah ekonomi dunia dalam membuat sesuatu dasar supaya mampu mengejar kemajuan negara maju, di samping kehidupan yang lebih baik kepada rakyat.

Sehubungan itu, rakyat perlu mempunyai budaya kerja yang baik, tertib dan berdisiplin untuk memastikan mereka mampu mengeluarkan barangan berkualiti dan jumlah yang besar untuk pasaran tempatan dan dunia.

"Ketika sebelum dan awal merdeka, Malaysia tidak mampu mengeluarkan kereta sendiri, tapi kereta Malaysia sekarang mempunyai piawaian standard yang sama di seluruh dunia," katanya.